
Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku **“breach of contract”** maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : STATUS BANTUAN AIR SELANGOR

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini bantuan air 20 meter padu kepada rakyat Selangor?
- b) Nyatakan secara terperinci cara untuk mengenalpasti pengguna yang layak menerima bantuan air percuma ini.

JAWAPAN:

- a) Program Pemberian 20 meter padu air percuma kepada rakyat Negeri Selangor masih berterusan sehingga penjajaran semula dikuatkuasakan pada 01 Julai 2019.
- b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan cadangan Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Untuk Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma seperti berikut:-
 - (i) Isi padu air percuma di Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma dinaikkan daripada 20 meter padu kepada 25 meter padu;
 - (ii) Penjajaran semula Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma dikuatkuasakan pada 01 Julai 2019 bagi melengkapkan data pengguna oleh Air Selangor. Pengguna yang layak menerima air percuma sebanyak 25 meter padu ini adalah daripada kalangan Kategori B40 yang berdaftar dalam rekod E-Kasih;
 - (iii) Pendaftaran berterusan E-Kasih akan dilaksanakan bagi pengguna yang belum didaftarkan;
 - (iv) Kadar minimum pendapatan isi rumah bagi Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Untuk Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma ditetapkan pada RM2,000.00 sebulan; dan
 - (v) Penjelasan terperinci hendaklah diberikan kepada rakyat Negeri Selangor melalui *public engagement* yang dibuat oleh Air Selangor melibatkan semua Ahli Dewan Negeri Selangor, Penghulu dan Ketua Kampung menerusi Pejabat Tanah dan Daerah, Ahli-ahli Majlis dan JMB menerusi Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk mengenal pasti golongan B40 yang berdaftar dengan E-Kasih layak menerima bantuan di bawah Program Pemberian Air Percuma, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) akan melaksanakan padanan (integrasi) data E-Kasih dengan rekod akaun pengguna domestik Air Selangor. Bagi nama-nama yang tidak ada dalam rekod Air Selangor, permohonan baru perlu dikemukakan oleh pengguna yang layak tersebut.

Selain dari data E-Kasih, Kerajaan Negeri juga sedang meneliti untuk mengguna pakai data penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga sedang mengenal pasti mekanisme pelaksanaan yang terbaik bagi memastikan tidak ada mana-mana individu di dalam golongan yang disasarkan itu tidak terpinggir dalam menikmati mendapat faedah dari Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma. Mekanisme terperinci mengenai perkara ini masih dalam penelitian Kerajaan Negeri dan akan diumumkan dalam waktu yang terdekat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini program pemutihan kilang haram di Selangor.
- b) Nyatakan jumlah terkini kilang haram dan berlesen yang terdapat di Selangor mengikut PBT.

JAWAPAN:

- a) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor telah tamat pada 31 Disember 2015. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 5/2019 bertarikh 20 Februari 2019 dan disahkan oleh MMKN ke 6/2019 bertarikh 27 Februari 2019 telah bersetuju untuk meneruskan program pematuhan syarat dan penguatkuasaan kilang tanpa kebenaran seperti yang telah dilaksanakan pada tahun sebelum ini. MMKN bersetuju agar satu tempoh masa yang terhad sahaja diberikan kepada kilang yang beroperasi tanpa kebenaran ini untuk membuat tindakan sepatutnya dan selepas tempoh tersebut tindakan penguatkuasaan perlu diambil dengan tegas.
- b) Jumlah terkini kilang haram dan berlesen yang terdapat di Selangor mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	Jumlah Kilang		Jumlah yang telah diambil Tindakan /Didakwa
	Berlesen	Tidak Berlesen (Haram)	
MPAJ	47	277	Tindakan : 35 Kompaun di bawah Peruntukan Undang-undang Kecil MPAJ 2007. 1. UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPAJ) 2007 2. UUK Establisyemen Makanan (MPAJ) 2007 3. UUK Iklan (MPAJ) 2007 Didakwa : -
MDKL	327	196	Tindakan : Operasi Kilang Haram Tahun 2019 – 19 Ops

PBT	Jumlah Kilang		Jumlah yang telah diambil Tindakan /Didakwa
	Berlesen	Tidak Berlesen (Haram)	
			Pengeluaran Notis Kesalahan 2019 – 27NK Didakwa : 4 premis didakwa atas seksyen 70(13C) bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974
MPK	Tahun	Jumlah	0
	2016	454	
	2017	497	
	2018	596	
MBPJ	198	20	Tindakan : 10 Notis Penguatkuasaan Didakwa : Tiada
MDSB	22	-	Sebanyak 22 buah kilang tersebut telah dilesenkan dan tiada tindakan pendakwaan diambil
MPSJ	-	252	MPSJ masih lagi di dalam tindakan pemutihan
MPKj	389	202	Tiada
MPS	3590	56	Tindakan kompaun bagi semua kilang tidak berlesen

* Sumber : PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROJEK LAMPU JALAN KAMPUNG

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menambah jumlah lampu jalan di kampung-kampung?
- b) Jika ada, bila ianya akan dapat dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Di bawah Vot P01/02006 – Naiktaraf/ Baikpulih Jalan Luar Bandar, skop pemasangan lampu-lampu jalan kampung turut dimasukkan di dalam skop peruntukan ini melibatkan kawasan-kawasan yang dilaporkan banyak terlibat dengan kegiatan jenayah dan juga kemalangan. Peruntukan keseluruhan sebanyak RM3 juta telah disediakan di bawah Vot ini bagi tahun 2019. Selain daripada peruntukan Kerajaan Negeri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) juga turut menyediakan peruntukan bagi Lampu Jalan Kampung yang boleh dipohon melalui Pejabat Daerah/ Tanah.
- b) Penambahan lampu jalan kampung adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri serta memenuhi kriteria yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pertimbangan hanya akan diberikan setelah mendapat pengesahan daripada Pejabat Daerah/Tanah bagi menanggung kos bil elektrik lampu jalan kampung yang dipohon. Ini kerana, Kerajaan Negeri hanya memperuntukkan peruntukan untuk pemasangan lampu jalan kampung sahaja dan tidak menyediakan peruntukan bagi bayaran bil elektrik lampu jalan kampung berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KILANG HARAM

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah kilang haram yang telah dikesan oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2016 hingga 2018?
- b) Berapakah jumlah lesen yang telah diberi dan berapa jumlah yang telah diambil tindakan atau didakwa?
- c) Apakah langkah proaktif Kerajaan untuk membendung kilang haram daripada terus beroperasi?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kilang haram bagi tempoh 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut:

PBT	Bilangan Kilang Haram		
	2016	2017	2018
MBSA	167	106	89
MBPJ	20	-	-
MPK	454	497	596
MPS	56		
MPAJ	-	277	277
MPSJ	252	252	252
MPKJ	202		
MDKL	-	-	31
MDSB	-	-	22
MPSP	Tiada maklumat		
MDKS	Tiada maklumat		
MDHS	Tiada maklumat		

Namun demikian, bagi kawasan MPSJ sehingga Disember 2018 sejumlah 13 lot tanah yang mengandungi sebanyak 71 unit kilang haram yang termasuk dalam Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) ini telahpun di tukar syarat kepada Perusahaan.

* Sumber : PBT Negeri Selangor

- b) Jumlah lesen yang telah dikeluarkan dan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil adalah seperti butiran berikut:

PBT	Jumlah Kilang		Jumlah yang telah diambil Tindakan /Didakwa								
	Berlesen	Tidak Berlesen (Haram)									
MPAJ	47	277	<p>Tindakan : 35 Kompaun di bawah Peruntukan Undang-undang Kecil MPAJ 2007.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPAJ) 2007 2. UUK Establisymen Makanan (MPAJ) 2007 3. UUK Iklan (MPAJ) 2007 <p>Didakwa : Tiada</p>								
MDKL	327	196	<p>Tindakan : Operasi Kilang Haram Tahun 2019 – 19 Ops</p> <p>Pengeluaran Notis Kesalahan 2019 – 27NK</p> <p>Didakwa : 4 premis didakwa atas seksyen 70(13C) bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974</p>								
MPK	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2016</td> <td>454</td> </tr> <tr> <td>2017</td> <td>497</td> </tr> <tr> <td>2018</td> <td>596</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun	Jumlah	2016	454	2017	497	2018	596	0	<p>Operasi bersepadu bersama Jabatan Alam Sekitar. Tindakan Notis dan Kompaun dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.</p>
Tahun	Jumlah										
2016	454										
2017	497										
2018	596										
MBPJ	198	20	<p>Tindakan: 10 Notis Penguatkuasaan</p> <p>Didakwa : Tiada</p>								
MDSB	22	-	<p>Sebanyak 22 buah kilang tersebut telah dilesenkan dan tiada tindakan pendakwaan</p>								

PBT	Jumlah Kilang		Jumlah yang telah diambil Tindakan /Didakwa
	Berlesen	Tidak Berlesen (Haram)	
			diambil
MPSJ	-	252	MPSJ masih lagi di dalam tindakan pemutihan
MPKj	389	202	Tiada
MPS	3590	56	Tindakan kompaun bagi semua kilang tidak berlesen

- c) Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 5/2019 bertarikh 20 Februari 2019 dan disahkan oleh MMKN ke 6/2019 bertarikh 27 Februari 2019 telah bersetuju untuk meneruskan program pematuhan syarat dan penguatkuasaan kilang tanpa kebenaran seperti yang telah dilaksanakan pada tahun sebelum ini. MMKN bersetuju agar satu tempoh masa yang terhad sahaja diberikan kepada kilang yang beroperasi tanpa kebenaran ini untuk membuat tindakan sewajarnya dan selepas tempoh tersebut tindakan penguatkuasaan perlu diambil dengan tegas tanpa kompromi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU (TRM)

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan tanah rizab Melayu yang masih ada di Negeri Selangor sehingga tahun 2018?
- b) Nyatakan jumlah yang telah ditukar hak statusnya.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod PTGS, data Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor sehingga Disember 2018 yang telah diwartakan adalah sebanyak **406,042.1999 ekar**.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, merujuk kepada Seksyen 8(ii), Enakmen Rizab Melayu (ERM) :

“Bahawa tiada apa jua pegangan Melayu boleh dipindahmilik, digadai, dipajak atau dilupuskan dengan cara lain kepada mana-mana orang yang bukannya seorang Melayu dan tiada apa jua memorandum pindahmilik, gadaian atau pajakan yang bertentangan dengan seksyen ini layak untuk pendaftaran di mana-mana Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran Hakmilik”.

ERM telah menetapkan supaya semua TRM yang dibatalkan hendaklah diganti. Mengikut rekod, jumlah TRM yang telah digantikan sehingga Disember 2018 adalah sebanyak 4,289.5386 ekar.

Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 3 Tahun 2015 mengenai Garis Panduan Urusan Pembatalan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) Semasa Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Awam Atau Kemudahan Awam Bagi Kegunaan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor Darul Ehsan yang dikuatkuasakan pemakaiannya di Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) pada 20 Mei 2015. Pekeliling ini telah menetapkan sekiranya terdapat TRM yang terlibat dengan pengambilan tanah melalui Akta Pengambilan Tanah 1960, TRM yang dibatalkan hendaklah diganti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : STATUS PEMILIKAN TANAH DI KAMPUNG BARU/ BAGAN

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pemilikan tanah di kampung kampung baru di Negeri Selangor?
- b) Berapa banyakkah yang telah diberi hak milik sepenuhnya?
- c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah pemberian hak milik kepada penempatan kampung baru?

JAWAPAN:

- a) Status pemilikan tanah di kampung-kampung baru/bagan di Negeri Selangor telah dikeluarkan hakmilik kepada pemohon-pemohon.
- b) Kampung-kampung baru/bagan yang telah diberimilik dari tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti berikut :

BIL	DAERAH	KG. BARU / BAGAN	JUMLAH
1.	Hulu Selangor		64
2.	Sabak Bernam	1. Bagan Sungai Besar 2. Bagan Sungai Burung 3. Bagan Beting Kepah 4. Bagan Sekinchan	46 1 2 5
3.	Petaling	1. Kg. Baru Damansara 2. Kg. Baru Puchong 3. Kg. Baru Sg. Buloh 4. Kg. Baru Seri Kembangan 5. Kg. Baru Subang	1 16 51 25 5
4.	Kuala Langat	Kg. Baru Jenjarom Kg. Baru Tg. Sepat	15 24
5.	Hulu Langat	1. Cheras 2. Semenyih 3. Ampang 4. Kajang	4 9 4 6
6.	Sepang	1. Dengkil 2. Sepang	10 16

BIL	DAERAH	KG. BARU / BAGAN	JUMLAH
7.	Gombak	1.Kg Kepong Ulu 2. Kg Dato' Lee Kim Sai 3. Kg Sg. Bakau 4. Kg Rajah 5. Kg Sg Terentang 6. Kg Kundang 7. Kg Sri Indah 8. Kg Desa Aman 9. Kg Kuala Ampang	309 71 28 5 273 629 618 317 447
8.	Kuala Selangor	1. Kg Baru Ijok 2. Kg Baru Bestari Jaya 3. Kg Baru Tiram Setia	65 43 99
9.	Klang	1. Kg Baru Pandamaran	90

- c) Permohonan masih boleh dibuat bagi pemohon yang layak berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang dalam proses untuk mengenalpasti dan menyelesaikan masalah-masalah kampung-kampung baru/ bagan yang masih belum diberimilik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : DANA PEMBANGUNAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah dana yang telah disalurkan ke kampung-kampung baru sejak 2013-2018?
- b) Pembangunan bagaimanakah dana itu disalurkan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan dana yang telah disalurkan ke kampung-kampung baru dari tahun 2013 sehingga 2018 adalah sebanyak RM22,897,065.52. Berikut adalah pecahan jumlah yang disalurkan mengikut tahun:

Tahun	Jumlah (RM)
2013	3,882,316.82
2014	1,994,838.90
2015	4,970,669.51
2016	3,985,527.80
2017	4,971,114.12
2018	3,092,598.37
JUMLAH	22,897,065.52

- b) Dana yang disalurkan adalah bagi projek pembangunan menaik taraf/ bina baru balai raya, menaik taraf jalan raya/ *catwalk*, menaik taraf longkang, menaik taraf pusat riadah, pintu gerbang dan program kemasyarakatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : WABAK PENYAKIT TANGAN KAKI DAN MULUT

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk menangani wabak penyakit tangan kaki dan mulut.
- b) Berapakah peruntukan yang akan disediakan untuk pencegahan wabak tersebut daripada terus merebak dalam kalangan kanak-kanak dan nyatakan pecahan peruntukan?

JAWAPAN:

- a) Langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan sebagai pencegahan dan kawalan adalah :
 - Memastikan **pengusaha pusat jagaan kanak-kanak mengadakan saringan** di pintu-pintu masuk (*gate-keeping*) bagi memastikan hanya kanak-kanak yang tiada tanda-tanda jangkitan HFMD dibenarkan memasuki premis;
 - Mempergiatkan usaha **meningkatkan kesedaran masyarakat** mengenai HFMD khususnya kepada ibubapa, pengusaha premis jagaan kanak-kanak dan guru-guru sekolah dari segi penjagaan kebersihan diri (*personal hygiene*) termasuk amalan mencuci tangan;
 - Penjagaan kebersihan persekitaran termasuk nyahkuman permukaan (lantai, tandas, meja dll);
 - Mempertingkatkan **aktiviti pemantauan** di semua sekolah (pra-sekolah) dan premis jagaan kanak-kanak (tadika/ taska /tabika);
 - Menjalankan **siasatan segera** ke atas kes-kes yang dilaporkan oleh orang awam termasuk aduan wabak; dan
 - Menjalankan mesyuarat Inter-Agensi yang dipengerusikan oleh Dato' Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, bersama agensi-agensi lain seperti Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor, Taska Selangor, PBT, Pejabat Kesihatan Daerah, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan beberapa agensi lain (peringkat Negeri). Selain itu, di peringkat daerah juga turut dijalankan *Townhall Meeting* (THM) yang disertai oleh agensi-agensi berkaitan.

- b) Peruntukan untuk aktiviti pencegahan dan kawalan diterima dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia secara pukal di bawah aktiviti kawalan penyakit di mana ia merangkumi aktiviti pencegahan semua kejadian penyakit berjangkit dan tiada agihan khas untuk menangani penyakit Tangan, Kaki dan Mulut. Sebarang agihan peruntukan di peringkat negeri adalah bergantung kepada pertimbangan dan arahan daripada Pengarah Kesihatan Negeri dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Bahagian Kesihatan Awam. Jumlah peruntukan yang diterima pada tahun 2018 ialah RM1,609,687.00 dan pada tahun 2019 ialah RM1,629,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PERUNTUKAN KHAS PENGUPAYAAN KAMPUNG-KAMPUNG

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan menambahkan jumlah peruntukan kepada Majlis Pembangunan Komuniti Kampung MPKK?

JAWAPAN:

- a) Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK) merupakan jentera pentadbiran di peringkat akar umbi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi membantu serta memudahkan pengurusan pentadbiran, memantau dan mengagih pembangunan secara menyeluruh serta adil terhadap semua penduduk kampung. Ia juga berperanan membantu melaksanakan agenda dan dasar-dasar Kerajaan dalam melahirkan komuniti yang berdaya saing dan cemerlang.

Peranan MPKK bukan sahaja merupakan sebagai institusi kepimpinan penting di peringkat akar umbi dan nadi pembangunan desa, malahan kini dilihat sebagai ejen Transformasi Luar Bandar yang bertanggungjawab di dalam mentadbir dan memajukan sesebuah kampung serta menjadi badan penggerak utama di dalam mengembleng sumber tenaga, pembangunan dan perubahan sikap masyarakat kampung ke arah membentuk warga desa yang berdaya maju serta inovatif.

Justeru pentingnya peranan MPKK sebagai tonggak pembangunan masyarakat di luar bandar, Kerajaan Negeri melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 18/2018 pada 27 Jun 2018 yang telah disahkan oleh MMKN ke 19/2018 pada 4 Julai 2018 telah meluluskan cadangan kenaikan peruntukan pembangunan Kampung Tradisi Negeri Selangor daripada RM10,000.00 kepada RM20,000.00. Kenaikan peruntukan ini berkuatkuasa 1 Januari 2018 dan akan disalurkan terus kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Selangor.

Peruntukan ini bertujuan untuk digunakan oleh MPKK bagi menganjurkan program-program kemasyarakatan dan keceriaan yang melibatkan penduduk kampung dikawasan masing-masing. Antara aktiviti dan program yang boleh dilaksanakan menggunakan peruntukan tersebut ialah program gotong-royong, Majlis Jamuan Hari Raya, pemberian sumbangan kepada penduduk

kampung yang kurang mampu serta lain-lain program kemasyarakatan yang dirasakan relevan dan memenuhi skop program yang telah ditetapkan.

Selain daripada itu, mulai tahun 2019 ini Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) memperuntukkan RM100 juta setahun melalui geran pembangunan untuk disalurkan kepada MPKK yang layak bertujuan membiayai projek dan program penjanaaan peningkatan ekonomi kampung, selain berkaitan usaha meningkatkan kesejahteraan serta keceriaan kampung. Geran ini akan memberikan manfaat kepada 10,000 daripada 16,749 kampung di seluruh Malaysia.

Geran daripada KPLB tersebut menawarkan peruntukan maksima RM10,000.00 bagi setiap MPKK bertujuan untuk melaksanakan projek atau program di kampung masing-masing. Walau bagaimanapun, bagi mendapatkan peruntukan ini, MPKK perlu mengemukakan kertas cadangan pelaksanaan program kampung yang lengkap kepada KPLB dan peruntukan akan diluluskan berdasarkan penilaian kertas kerja yang diajukan.

Memandangkan jumlah keseluruhan peruntukan kepada MPKK mencecah RM30,000.00, Kerajaan Negeri beranggapan jumlah tersebut adalah memadai bagi MPKK untuk melaksanakan program di kampung masing-masing. Oleh itu buat masa ini Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk menambahkan jumlah peruntukan kepada Majlis Pembangunan Komuniti Kampung MPKK.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PENCEGAHAN MUSUH TANAMAN PERTANIAN

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah pencegahan untuk menangani musuh tanaman seperti monyet dan babi di kawasan pertanian khususnya di kawasan Daerah Sabak Bernam dan DUN Sungai Air Tawar khasnya?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menyediakan dana khas untuk tujuan tersebut?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk tujuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bagi pencegahan musuh tanaman seperti monyet dan babi, Jabatan Pertanian ada menyediakan perangkap yang boleh digunakan oleh para petani. Selepas haiwan ini berjaya ditangkap, Jabatan Pertanian akan menghubungi Jabatan Perhilitan bagi tujuan memindahkan haiwan ini ke lokasi yang lebih sesuai.
- b) Kerajaan Selangor melalui Jabatan Pertanian mempunyai program kawalan perosak tanaman melalui projek pencegahan perosak bersepadu.
- c) Sebanyak RM200,000.00 disediakan setiap tahun bagi tujuan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : MERAKYATKAN PELANCONGAN LUAR BANDAR

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menjadikan sektor pelancongan luar bandar sebagai salah satu cabang program merakyatkan pelancongan Negeri Selangor?
- b) Nyatakan langkah proaktif Kerajaan untuk menjadikan kawasan luar bandar sebahagian daripada tarikan pelancong luar negara.

JAWAPAN:

- a) Ya, Kerajaan Negeri Selangor sememangnya berhasrat dan telah mengadakan pelbagai langkah proaktif, untuk menjadikan sektor pelancongan luar bandar sebagai salah satu cabang program merakyatkan pelancongan Negeri Selangor.
- b) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah menjalankan beberapa program bagi menjadikan kawasan luar bandar sebahagian daripada tarikan pelancong luar negara. Antara usaha yang telah dijalankan adalah seperti berikut:-

i) Lawatan Teknikal Produk Pelancongan

Sesi lawatan ini dijalankan sepanjang tahun mengikut jadual dan melibatkan beberapa agensi kerajaan dan swasta yang terlibat mengikut kawasan produk pelancongan yang berpotensi dibangunkan dan dipromosikan. Sebanyak 16 sesi lawatan teknikal telah dijalankan di 16 kawasan pelancongan sepanjang tahun 2018.

ii) Program Pembangunan Pakej Produk Pelancongan yang melibatkan produk pelancongan luar bandar

Sebanyak 14 pakej pelancongan telah dibangunkan dan dilancarkan mengikut pasaran sepanjang Tahun 2018.

iii) Program Hos Komuniti Pemandu Pelancong Negeri Selangor

Program latihan untuk Hos Komuniti Selangor ini merupakan program pemangkin menggunakan pendekatan 'Community Base Tourism Delivery Management'. Program ini diadakan adalah untuk untuk melantik dan melatih pemandu pelancong setempat di seluruh Negeri Selangor secara

profesional. Program sulung atau 'Pioneer' ini telah dijalankan bagi 3 Daerah dahulu, iaitu, Daerah Klang, Daerah Kuala Selangor dan Daerah Sabak Bernam pada Tahun 2018. Untuk Tahun 2019, program ini akan diteruskan kepada Daerah Hulu Selangor, Daerah Kuala Langat dan Daerah Hulu Langat.

Program ini dianjurkan bagi mencapai manfaat untuk; Meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar; Menjadikan Budaya dan Warisan setempat sebagai produk pelancongan yang mapan; Menggalakkan komuniti setempat untuk memelihara warisan tempatan; dan Membangunkan produk pelancongan yang mesra alam sekitar. Program ini akan diaplikasikan kepada daerah yang lain di Negeri Selangor.

iv) Program FAM (Familiarization) Tour

Sesi lawatan FAM Tour ini dijalankan sepanjang tahun bersama pihak Agensi Pelancongan dan Media tempatan dan antarabangsa untuk membantu membangunkan pakej pelancongan seterusnya membantu mempromosikan produk pelancongan Negeri Selangor ke pentas global. Untuk Tahun 2018, sebanyak 21 sesi lawatan FAM Tour yang telah dijalankan mengikut kepelbagaian pasaran yang seterusnya membantu membangunkan produk pelancongan di Negeri Selangor khususnya yang berada di luar bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PENINGKATAN TARAF HIDUP KUMPULAN NELAYAN DAN PETANI

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membantu meningkatkan taraf hidup kumpulan nelayan dan petani di luar bandar?
- b) Apakah langkah-langkah holistik untuk tujuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Agenda peningkatan taraf hidup masyarakat luar bandar termasuk kumpulan nelayan dan petani sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Ia bertujuan untuk memastikan limpahan pembangunan dan kemakmuran negeri dapat dinikmati oleh semua rakyat dan jurang perbezaan antara masyarakat bandar dan luar bandar dapat dikurangkan secara berterusan.
- b) Antara langkah-langkah secara holistik yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan petani, penternak dan nelayan adalah seperti berikut:-

1. Program Bantuan

Program bantuan dalam bentuk pemberian input dan peralatan masih diteruskan dengan jumlah peruntukan pembangunan sebanyak RM27.8 juta telah disalurkan kepada jabatan yang berkaitan. Hampir 70% daripadanya adalah untuk program bantuan seperti bantuan baja, ternakan, peralatan menangkap ikan dan peralatan untuk pemrosesan produk atau Industri Asas Tani (IAT).

2. Program Pemasaran

Program pemasaran seperti Selangor *Agro Market* (SAM) telah terbukti memberikan impak yang amat positif kepada golongan tersebut termasuk golongan pembeli. Melalui program SAM, hasil pertanian dijual secara terus kepada pengguna dari ladang di mana melalui kaedah tersebut para pengusaha boleh menjual dengan harga yang lebih baik serta pembeli boleh membeli barangan dengan harga yang lebih murah sehingga 40% dari harga pasaran biasa. Program SAM telah dirancang untuk dilaksanakan di lebih 100 lokasi di seluruh Negeri Selangor.

3. Pembukaan Kawasan Pertanian Baharu

Salah satu impak positif Program SAM ialah pembukaan beberapa kawasan pertanian baharu yang akan dilaksanakan melalui Program Ladang Kontrak di mana Kerajaan Negeri akan menyediakan bantuan dari segi pemilihan lokasi serta kos awal penyediaan infrastruktur asas dan bimbingan kepada pengusaha agar mengusahakan hasil yang telah dikenalpasti mempunyai permintaan pasaran (*market demand*).

Dalam pada itu juga, pembukaan kawasan-kawasan pertanian baharu akan dibuat berdasarkan potensi pasaran semasa dan masa hadapan. Ini termasuk hasil-hasil pertanian untuk industri pemprosesan seperti tanaman roselle dan juga melon yang akan melibatkan pihak FAMA Selangor selaku agen pemasar serta jabatan dan agensi lain sebagai pelaksana projek. Kaedah tersebut lebih tersusun dan dapat mengelakkan lambakan hasil di pasaran yang boleh mengakibatkan hasil jualan yang terlalu rendah sehingga menyebabkan hasil pendapatan pengusaha akan berada pada tahap rendah.

4. Program Penggalakkan Pemasaran Eksport

Program Penggalakan Pemasaran Eksport (produk tier 1) adalah merupakan program yang dirangka bagi memastikan produk yang berkualiti tinggi dan menepati syarat-syarat eksport akan terus diperkasakan. Menerusi program ini, bukan sahaja produk yang menepati pasaran eksport akan dibantu, bahkan secara tidak langsung produk-produk yang berada pada tahap tier 3 iaitu produk yang masih memerlukan bantuan dari segi kualiti dan juga kuantiti boleh dikenalpasti dan seterusnya turut sama dibantu sehingga mencapai tahap tier 1. Ianya boleh membantu golongan pengusaha untuk memperoleh pasaran yang lebih luas serta meningkatkan pendapatan mereka.

5. Program Pemodelan Pertanian

Program Pemodelan Pertanian merupakan program yang menerapkan penggunaan peralatan moden dan berteknologi tinggi di dalam sektor pertanian. Memandangkan secara puratanya kos awal penyediaan sesuatu projek yang berkonsepkan moden dan berteknologi tinggi adalah tinggi, Kerajaan Negeri akan menyediakan infrastruktur asas di tapak untuk membolehkan pengusaha belajar dan menimba pengalaman serta akhirnya pengusaha yang terlibat mampu berdikari dan membuka kawasan sendiri. Program ini akan melibatkan agensi kewangan seperti Agro Bank untuk turut serta sebagai pemberi pinjaman di samping bantuan awal oleh Kerajaan Negeri.

6. Program Tanaman Makanan Ternakan

Bagi membantu golongan penternak yang menghadapi masalah kenaikan kos makanan ternakan, Kerajaan Negeri akan melaksanakan

Program Tanaman Makanan Ternakan lembu dan kambing di beberapa kawasan terpilih. Tanaman ternakan yang akan diusahakan oleh para penternak akan menggunakan kaedah *cut and carry* dan dijangka akan dapat mengurangkan kos makanan ternakan dan seterusnya meningkatkan keuntungan.